



PENAJA...tajaan dari syarikat korporat untuk menjayakan Larian Salomon X-Trail Malaysia.

Larian Solomon X-Trail di UPM

JIKA ingin tahu apa itu Larian X-trail, kunjungi Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 30 September 2012 untuk menyaksikan acara yang menguji ketahanan diri dan serba menyeronokkan ini.

Edisi ketiga Larian Salomon X-Trail Malaysia ini menyaksikan pesertanya menempuh pelbagai cabaran termasuk jalan berlumpur dan rumput basah sebelum menamatkan larian sepanjang 10 kilometer itu.

Di kalangan peserta, mereka bukan sekadar menikmati acara luar menyeronokkan, namun ia memberi peluang untuk mereka mempromosi larian hijau selain alternatif kepada larian di jalan raya.

Acara ini pertama kali diadakan pada 2009 dengan 900 peserta. Pada kali kedua, ia diadakan pada tahun lalu berjaya menarik penyertaan k 1,200 pelari manakala tahun ini pula,

2,100 peserta mendaftar.

Penaja utamanya ialah Salomon manakala penganjur acara ialah kelab Pacesetters.

UPM dipilih sebagai lokasi larian kali ini yang menyediakan suasana larian luar yang menarik untuk diterokai peserta.

Acara bermula jam 7 pagi (pelepasan peserta lelaki) dan 7.15 pagi (wanita) ini terbahagi kepada empat kategori untuk peserta berusia 18 tahun ke atas. Lima pemenang utama setiap kategori berpeluang memenangi trofi dan produk Salomon bernilai antara RM200 hingga RM1,000 dan hadiah daripada penaja lain.

Selain Salomon sebagai penaja utama, penaja utama ialah World of Sports manakala penaja lain termasuk Powerbar, Nestle Fitness Cereal, Gatorade, Suunto, Alligator Travel & Bootcamp.



MENCABAR...

peserta menempuh laluan jalan berlumpur.